

# UM henti 20 program akademik

# Langkah diambil selepas kajian dapati kursus tidak lagi relevan dengan keperluan pasaran

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Institusi pengajian tinggi (IPT) tertua negara, Universiti Malaya (UM) menghentikan 20 program akademiknya selepas kajian mendapati ia tidak lagi relevan dengan keperluan pasaran dan keadaan semasa.

Langkah yang bermula pada sesi pengajian 2021/2022 itu juga bagi memastikan graduan UM selepas ini mudah mendapat pasaran kerja serta memenuhi kehendak industri berbanding menawarkan kursus yang akhirnya menyebabkan lulusan UM ditawarkan kerja tidak sepadan dengan ilmu dipelajari.

Pemansuhan semua program akademik itu membabitkan pelbagai peringkat pengajian, masing-masing 13 program tidak popular atau bilangan graduan yang rendah, manakala tujuh lagi berikutan keperluan penawaran program baharu.

Antara program akademik dimansuhkan ialah Sarjana Muda Sains Bioinformatik, Sarjana Muda Sains (Sains Bahan), Sarjana Muda Sains Biokesihatan, Sarjana Muda Sains Pengajian Sains dan Teknologi serta Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Pendidikan).

Selain itu, Sarjana Pendidikan (Pendidikan Sains), Sarjana Pendidikan (Pendidikan Matematik), Sarjana Pendidikan (Peran-

cangan Pentadbiran), Sarjana Kepimpinan Pendidikan, Sarjana Kejuruteraan Sistem Kuasa, Sarjana Sains Perubatan (Fisiologi), Sarjana Penyelidikan Ekonomi dan Sarjana Penyelidikan Pentadbiran Awam.

Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Mohd Hamdi Abd Shukur, berkata pemansuhan itu dibuat mengikut kriteria ditetapkan oleh Kajian Indeks Kelestarian Program (IKP), yang antara lain turut mengambil kira tahap populariti, keluaran atau graduan rendah serta program akademik yang tidak berdaya saing.

Beliau berkata, fokus IKP terbahagi kepada dua, iaitu populariti dan kebolehpasaran program akademik dengan kajian itu dibangunkan tanpa membabitkan maklum balas industri, sebaliknya berdasarkan analisis data mengenai trend pencapaian program bagi beberapa sesi akademik berpandukan dua kriteria berkenaan.

“Proses analisis pencapaian program dibuat mengikut empat kriteria, iaitu penentuan skor subkriteria dan markah pencapaian setiap program, penetapan tahap pencapaian program berdasarkan markah pencapaian.

“Penentuan kategori berdasarkan analisis tahap pencapaian bagi setiap program serta Tindakan Kelestarian Program (TKP).

“Berdasarkan analisis statistik yang diperolehi, tahap pencapaian program dikategorikan mengikut julat pencapaian, iaitu cemerlang, sangat memuaskan, memuaskan, tidak memuaskan dan sangat tidak memuaskan,” katanya kepada *BH*.

UM turut menjenamakan semula 50 program akademik lain, masing-masing 26 program ditawarkan dengan nama baharu, 19 digabungkan dengan nama baharu, digabungkan dengan nama sedia ada (4) dan mod baharu (1).

Menjelaskan proses pemansuhan, Mohd Hamdi berkata, setiap kursus yang mahu dilupuskan

## “Kursus atau program pengajian baharu ini utamakan bidang baharu dan terkini, sesuai dengan keperluan pasaran disamping menerapkan ilmu baharu, selaras keperluan semasa”



Mohd Hamdi Abd Shukur,  
Naib Canselor  
UM

perlu melalui tiga peringkat, iaitu penawaran kohort baharu dihentikan (penjumudan), sebelum dibekukan dan seterusnya dilupuskan.

“Setiap peringkat berkenaan akan berkuat kuasa selama dua tahun dengan keputusan akhir akan dimuktamadkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

“Ketika ini, status program pengajian berkenaan tidak lagi menerima pengambilan pelajar baharu, sebaliknya meneruskan kohort sedia ada dengan tempoh tindakannya berkuat kuasa selama dua tahun,” katanya.

Katanya, mana-mana program dimansuhkan yang ingin ditawarkan semula pula perlu melalui proses mengkaji semula struktur program, kaedah penyampaian dan penilaiannya serta membentuk Jawatankuasa Pengajian membabitkan wakil pihak luar, termasuk industri.

Beliau berkata, program berkenaan kemudian akan dibekukan dan status program pengajian tidak ditawarkan bagi suatu tempoh tertentu selepas tamat

tempoh masa tindakannya dengan jangka masa tindakan semasa adalah dua tahun.

“Eksesais semakan kurikulum perlu diadakan dalam tempoh pembekuan berkenaan, sekiranya ingin membuka semula struktur penawarannya, selain perlu dibawa ke Arahan Kerja Urusan Penawaran Program Baru (UMPT02-PK03-AK003).

“Akhirnya, program pengajian tidak akan ditawarkan lagi dan dimansuhkan terus daripada senarai program diluluskan mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) dengan status akreditasi bakal dibatalkan dan sijilnya dipulangkan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA),” katanya.

Mohd Hamdi bagaimanapun berkata, keputusan mengenai pemansuhan berkenaan tidak menjejaskan kedudukan atau penarafan UM pada peringkat antarabangsa berikutan terdapat program pengajian baharu yang ditawarkan.

### Sentiasa lihat keperluan penawaran

Katanya, UM sentiasa melihat kepada keperluan penawaran kursus baharu yang lebih relevan, sesuai dengan pasaran pekerjaan semasa, Revolusi Industri 4.0 (IR.4), sekali gus mengangkatnya ke persada antarabangsa.

Beliau berkata, antara kursus pengajian baharu diperkenalkan UM ialah Sarjana Keselamatan Siber, Sarjana Pengurusan Halal, Sarjana Kepintaran Buatan dan Sarjana Sains Data.

“Kursus atau program pengajian baharu ini mengutamakan bidang baharu dan terkini, sesuai dengan keperluan pasaran disamping menerapkan ilmu baharu, selaras keperluan semasa.

“Kebanyakan juga ditawarkan secara dalam talian, sama ada secara pembelajaran jarak jauh (RL) atau pembelajaran terbuka dan jarak jauh (ODL) yang mengambil kira mod pembelajaran

secara teradun.

“Selain itu, pelbagai kaedah penilaian alternatif dilaksanakan berdasarkan jenis kursus dan bidang ditawarkan,” katanya.

Mohd Hamdi juga berkata, pihaknya menyedari harapan ibu bapa yang menghantar anak mereka memasuki universiti supaya mendapat pekerjaan dan gaji yang sepadan kelulusan.

“Kita tidak mahu menjadi universiti yang hanya sekadar menawarkan kursus kepada pelajar, tetapi mengetahui bidang dipelajari itu tiada permintaan pasaran.

“Susulan itu, tindakan ini diambil kerana kita prihatin dengan nasib pelajar dan bertanggungjawab memenuhi harapan keluarga mereka,” katanya.

Pada Disember 2019, *BH* pernah mendedahkan sebanyak 55 program kejuruteraan yang ditawarkan 12 IPT, termasuk lima universiti awam (UA) dimansuhkan kerana beberapa faktor seperti tiada permintaan dan kursus yang hampir sama.

Majlis Akreditasi Kejuruteraan dan Lembaga Jurutera Malaysia berkata, antara UA terbahit adalah UM, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS).

Susulan pendedahan itu, Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan) Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) mengesahkan IPT yang memansuhkan 55 program kejuruteraan mereka sudah mengambil kira faktor kebolehpasaran graduan dan kesesuaian program ditawarkan.

JPT juga menjelaskan, keputusan IPT dalam menggugurkan program terbabit sejajar perkembangan semasa dan sudah diteliti secara mendalam, selain ia antara langkah proaktif bagi mendepani keperluan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) serta perubahan dalam trend pekerjaan semasa.